



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Rashidah Mamat. (2026). Islam dan sikap akomodatif orang Melayu: Tunjang keharmonian dalam kepelbagaian masyarakat Malaysia. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 4, 255-270.
<https://doi.org/10.32890/ahjmm2026.4.14>

ISLAM DAN SIKAP AKOMODATIF ORANG MELAYU: TUNJANG KEHARMONIAN DALAM KEPELBAGAIAN MASYARAKAT MALAYSIA

(Islam and the Accommodative Attitude of the Malays: A Foundation for Harmony in Malaysia's Diverse Society)

¹Rashidah Binti Mamat

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia

¹ Corresponding author: shidah@uum.edu.my

Received: 05/01/2026

Revised: 15/03/2026

Accepted: 02/06/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Islam di Malaysia diangkat sebagai agama rasmi Persekutuan di bawah perkara 3 (1) Perlembagaan, namun penganut agama lain tetap bebas untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing dalam suasana aman. Majoriti penganut agama Islam adalah orang Melayu yang sedia hidup bersama kaum lain daripada latar belakang berbeza secara harmoni. Keharmonian di Malaysia bukan wujud secara vakum, sebaliknya Islam menjadi faktor dominan yang mencorakkan 'sikap akomodatif orang Melayu' terhadap kepelbagaian etnik serta agama. Namun, konsep 'sikap akomodatif Melayu' lazimnya digunakan secara longgar dan kadang kala disamaratakan dengan istilah toleransi, kompromi atau pluralisme sekular. Malah sering disalahertikan sebagai toleransi pasif di tengah-tengah kegelisahan golongan minoriti terhadap tekanan kontemporari dalam era digitalisasi. Meskipun wacana perpaduan sering dibincangkan secara normatif, terdapat jurang analitis dalam mengadun mekanisme integratif secara hierarki yang merangkumi dimensi sejarah peradaban, perundangan, teologi dan sosiobudaya secara serentak. Artikel ini bertujuan mengkonseptualisasikan sikap akomodatif orang Melayu melalui analisis empat dimensi; sejarah

peradaban Melayu, Perlembagaan Persekutuan, pendekatan nilai Islam dan sosiobudaya Melayu. Kaedah kualitatif berasaskan analisis kandungan digunakan terhadap sumber sekunder daripada jurnal akademik, prosiding, buku, tesis dan dokumen dasar kerajaan. Dapatan menunjukkan bahawa keharmonian di Malaysia dipacu oleh integrasi dinamik empat mekanisme utama: (i) Akar sejarah peradaban Melayu yang terbuka; (ii) Prinsip keadilan Islam melalui kerangka perlembagaan; (iii) pendekatan nilai universal Islam berasaskan model Piagam Madinah; serta (iv) manifestasi etika harian melalui penerapan nilai-nilai Islam dalam sosiobudaya Melayu. Integrasi keempat-empat mekanisme ini membuktikan bahawa keharmonian di Malaysia bukanlah sebuah "kebetulan sejarah" atau retorik politik semata-mata tetapi merupakan hasil daripada pengaruh dominan Islam yang membentuk orientasi sosial orang Melayu menjadi komuniti yang terbuka, adil dan akomodatif, sekali gus tunjang kepada kestabilan dan keharmonian nasional dalam kepelbagaian etnik di Malaysia.

Kata kunci: Islam, sikap akomodatif, perlembagaan, Piagam Madinah, masyarakat majmuk.

ABSTRACT

In Malaysia, Islam is enshrined as the religion of the Federation under Article 3(1) of the Federal Constitution, yet adherents of other faiths remain free to practice their respective religions in a peaceful environment. The majority of Muslims are Malays who have long coexisted harmoniously with other ethnic groups from diverse backgrounds. This national harmony does not exist in a vacuum; rather, Islam serves as the dominant factor that shapes the 'accommodative attitude of the Malays' toward ethnic and religious plurality. However, the concept of 'Malay accommodative attitude' is often used loosely and is occasionally equated with terms such as tolerance, compromise, or secular pluralism. Furthermore, it is frequently misinterpreted as passive tolerance amidst minority anxieties regarding contemporary pressures in the digital era. Although discourse on unity is often discussed normatively, there remains an analytical gap in synthesizing hierarchical integrative mechanisms that simultaneously encompass the dimensions of civilizational history, legislation, theology, and socio-culture. This article aims to conceptualize the accommodative attitude of the Malays through a four-dimensional analytical framework: Malay civilizational history, the Federal Constitution, Islamic value approaches, and Malay socio-culture. A qualitative method based on content analysis was employed, utilizing secondary sources such as academic journals, proceedings, books, theses, and government policy documents. Findings indicate that harmony in Malaysia is driven by the dynamic integration of four primary mechanisms: (i) the open roots of Malay civilizational history; (ii) the principles of Islamic justice within the constitutional framework; (iii) a universal Islamic value approach based on the Medina Charter model; and (iv) the manifestation of daily ethics through the application of Islamic values within Malay socio-culture. The integration of these four mechanisms proves that harmony in Malaysia is neither a "historical accident" nor mere political rhetoric; instead, it is the result of dominant Islamic influence that shapes the social orientation of the Malays into an open, just, and accommodative community, thereby serving as the backbone of national stability and harmony within Malaysia's ethnic diversity.

Keywords: Islam, accommodative attitude, Federal Constitution, Medina Charter, multicultural society.

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah model negara majmuk yang unik di peringkat global, dicirikan oleh keupayaan mengharmonikan kepelbagaian etnik, bahasa, dan budaya yang telah berinteraksi sejak era kolonial (Mohamad & Mohamad, 2025). Kedudukan Islam dalam struktur kenegaraan Malaysia adalah bersifat fundamental melalui peruntukan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang memartabatkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan (Rohana et al., 2017). Walau bagaimanapun, jaminan perlembagaan tersebut tidak menyekat prinsip kebebasan beragama bagi penganut agama lain untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing dalam persekitaran yang aman. Statistik demografi menunjukkan penganut Islam yang didominasi oleh etnik Melayu membentuk kira-kira 60.4% daripada populasi, manakala bakinya terdiri daripada komuniti bukan Muslim yang rencam (Ghani & Awang, 2017; Mohamad, 2017). Bagi masyarakat Melayu, Islam bukan sekadar satu anutan peribadi, malah ia berfungsi sebagai teras jati diri yang membentuk unsur kemelayuan (*the Malayness*) secara implisit dan menjadi pemangkin sikap keterbukaan. Meskipun Malaysia bersifat majmuk dengan Islam sebagai teras sistem pentadbiran, negara ini telah membuktikan keupayaannya mengekalkan keamanan yang stabil sepanjang lima dekad kemerdekaan. Hal ini menuntut sebuah kajian mendalam bagi merumuskan bagaimana peranan Islam dan sikap akomodatif orang Melayu berfungsi sebagai tunjang kepada penyatuan pelbagai kumpulan etnik dan agama di negara ini.

Wacana mengenai keharmonian di Malaysia telah menghasilkan banyak karya normatif, namun masih terdapat jurang analitis dalam memahami mekanisme yang mendasari sikap akomodatif orang Melayu. Wujud kekaburan konseptual dalam literatur terdahulu yang sering menyamakan 'akomodasi' dengan toleransi pasif atau pluralisme sekular tanpa memberikan definisi operasional yang membezakannya secara tuntas. Malah, keharmonian di Malaysia sering dicirikan sebagai sesuatu yang "tinggi tetapi tidak stabil," memandangkan ia mudah tergugat apabila isu-isu kontroversi berkaitan agama dan etnik dieksploitasi di ruang awam (Khalek & Mokhtar, 2022). Keadaan ini diburukkan lagi dengan wujudnya kebimbangan dalam kalangan minoriti terhadap fenomena 'Islamisasi' yang dikhuatiri mampu menjejaskan hak kewarganegaraan mereka (Meerangani, 2016). Perbezaan antara persepsi dalam wacana politik dengan realiti di peringkat akar umbi turut menunjukkan bahawa naratif perpaduan sering kali dimanipulasi untuk kepentingan kelompok tertentu (Martinez, 2001).

Kajian ini berpijak pada premis bahawa Islam merupakan faktor dominan yang membentuk sikap akomodatif orang Melayu, sekali gus menjadi perisai substantif kepada keharmonian dan kestabilan nasional. Premis ini menolak anggapan retorikal mengenai 'keharmonian semula jadi', sebaliknya memberi penjelasan analitis melalui pembedahan empat dimensi integratif. Pertama, dimensi sejarah peradaban Melayu yang membuktikan bahawa keterbukaan terhadap pengaruh luar telah bermula seawal abad ke-14 melalui proses akulturasi yang damai (Abdullah et al., 2025). Kedua, dimensi perlembagaan yang menyeimbangkan kedaulatan Islam dengan jaminan hak minoriti melalui kontrak sosial yang sah (Shuaib, 2017). Ketiga, dimensi teologi yang bersumberkan model Piagam Madinah dan prinsip Wasatiyyah yang mewajibkan keadilan sosial merentas batas kepercayaan (Salihah Ali et al., 2021). Keempat, dimensi sosiobudaya Melayu melalui etika nilai Islam yang telah sebatih dalam interaksi harian masyarakat (Husin, 2023).

Justifikasi kajian ini menjadi semakin kritikal dalam konteks era pasca normal yang penuh dengan ketidaktentuan dan polarisasi maklumat di platform digital (Kamil, 2025). Digitalisasi yang dimanipulasi oleh penyebaran maklumat palsu membawa ketidaktentuan dan boleh menggugat kepercayaan antara kaum dan keharmonian nasional yang telah dibina. Keharmonian di Malaysia bukan sebuah aset yang wujud secara semula jadi; ia menuntut pemahaman mendalam terhadap asas-asas keadilan Islam yang inklusif

bagi menangkis stigma Islamofobia dan kebimbangan komuniti bukan Islam. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk membuktikan secara analitis bagaimana integrasi keempat-empat mekanisme tersebut berfungsi sebagai tunjang kepada kelestarian keharmonian nasional di Malaysia.

SOROTAN KARYA

Wacana mengenai hubungan etnik dan toleransi di Malaysia telah berkembang melalui beberapa fasa kritikal, bermula daripada penelitian sejarah peradaban sehinggalah kepada analisis dasar kenegaraan moden. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap literatur sedia ada mendedahkan wujudnya fragmentasi disiplin yang menjejaskan pemahaman holistik tentang bagaimana Islam bertindak sebagai tunjang sikap akomodatif orang Melayu. Bahagian ini akan mengulas sorotan karya bagi mendedahkan jurang analitis yang menjadi asas kepada keperluan kerangka integratif hierarki dalam kajian ini.

Karya-karya awal sekitar tahun 1960-an hingga 1980-an, seperti kajian Roff (1967) dan Rupert (1970), cenderung menggambarkan hubungan antara kaum di Malaysia sebagai interaksi yang harmoni dan semula jadi. Namun, analisis ini lebih bersifat permukaan dan tidak menghuraikan senario sebenar interaksi akar umbi. Pasca-1969, fokus penulisan beralih kepada integrasi nasional, di mana sarjana seperti Wan Hasyim (1983) dan Chew (1979) meneliti aspek sosiokultural sebagai faktor potensi konflik. Sehubungan itu, konsep akomodasi di Malaysia sering dirujuk sebagai model integrasi "tahap rendah" yang praktikal yang mana kelompok etnik mengekalkan identiti masing-masing sambil berkompromi dalam ruang awam (Shamsul Amri, 2004).

Walaupun terdapat sarjana yang melihat akomodasi sebagai "warisan panjang peradaban Melayu" yang terjalin dalam etika harian (Abdullah et al., 2025), pendekatan mereka sering kali lebih bersifat antropologis-deskriptif. Terdapat jurang metodologi di mana dimensi sejarah tidak diintegrasikan secara hierarki sebagai prasyarat kepada legitimasi perundangan moden. Selaras dengan aspek perundangan, kajian yang dilakukan oleh Mohamad (2017) mengaitkan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dengan sejarah proses kontrak sosial dan tolak ansur antara kaum. Manakala Salim (2026) meluaskan analisis melalui perbandingan tiga aspek antara Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan Piagam Madinah. Namun, pendekatan ini dikritik kerana hanya berhenti pada aras struktur undang-undang dan gagal menjelaskan bagaimana doktrin Islam secara aktif membentuk perilaku sosiologi penganutnya.

Dalam aspek teologi pula, banyak kajian membincangkan pendekatan agama sebagai mekanisme untuk mengurus masyarakat majmuk di Malaysia. Kajian oleh Awang & Mohd Nor (2022) misalnya, mengaplikasikan Piagam Madinah dalam pengurusan hak minoriti; Meerangani et al. (2022) dan Kamil (2025) membincangkan prinsip Wasatiyyah dan Maqasid Syariah sebagai "sustainable and holistic foundation as the core of social relations in Malaysia." Kajian-kajian ini memperkayakan lapisan teologis-normatif, namun cenderung berdiri sendiri tanpa disagregasi sosiologi yang jelas tentang mengapa Islam menjadi faktor dominan khusus dalam konteks Malaysia.

Dalam dekad mutakhir, muncul kajian yang lebih khusus seperti konsep 'Uruf Majmuk' oleh Mohamad dan Mohamad (2025) dan Salihah Ali et al. (2023) yang melihat amalan rumah terbuka sebagai platform interaksi silang budaya. Husin (2023) pula memperkenalkan konsep "Budi-Islam" sebagai nilai teras yang mendominasi tindakan orang Melayu dalam interaksi rentas etnik. Manakala Lim meneliti psikolinguistik Melayu sebagai akar sosiobudaya Melayu. Walau bagaimanapun, pendekatan ini lebih bersifat antropologis-deskriptif dan kurang memberi perhatian kepada interaksi sumber Qur'anik dengan kerangka perlembagaan.

ANALISIS JURANG DAN KEBAHARUAN (NOVELTY)

Berdasarkan tinjauan sorotan karya di atas, artikel ini mengenal pasti tiga jurang substantif yang menjadi asas kepada keperluan kerangka integratif hierarki:

i- Kekaburan Konseptual (Conceptual Ambiguity): Literatur sedia ada gagal memberikan definisi operasional yang tegas tentang sikap akomodatif Melayu-Muslim, sering kali menganggapnya sebagai "berdiam diri" demi keamanan (toleransi pasif) bukannya satu tindakan teologis yang aktif berdasarkan prinsip keadilan Islam. Sebaliknya, kajian ini membekalkan definisi operasional yang tuntas iaitu sikap akomodatif Melayu-Muslim ditakrifkan sebagai "kesediaan pragmatik untuk berkongsi ruang hidup tanpa menggadaikan jati diri akidah". Ini membezakannya daripada model asimilasi atau amalgamasi yang menuntut pengorbanan identiti etnik.

ii- Keterbatasan Skop Dimensi (Hierarchical Gap): Kebanyakan kajian terdahulu bersifat terfragmentasi, hanya memfokuskan kepada satu aspek (sejarah, perundangan atau teologi) secara silo. Belum ada model yang menyepadukan keempat-empat hierarki ini ke dalam satu kerangka analitik tunggal secara serentak, di mana satu tingkat menjadi prasyarat kritikal bagi tingkat seterusnya bagi menjelaskan kestabilan Malaysia.

iii- Islam sebagai faktor dominan bukan sampingan: Berbeza dengan wacana sosiologi yang sering melihat agama sebagai faktor sampingan atau punca polarisasi, kajian ini menawarkan perspektif baharu bahawa dominasi nilai Islam sebenarnya bertindak sebagai pelindung (substantive shield) kepada pluralisme di Malaysia.

Secara keseluruhannya, artikel ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan mengkonstruksi sebuah sistem sosioperadaban dalam kepelbagaian masyarakat di Malaysia melalui sebuah model integratif hierarki empat dimensi yang menggabungkan perspektif sejarah, perlembagaan, teologi dan sosiobudaya ke dalam satu kerangka analitik tunggal dan bukannya mengasingkannya seperti dalam kepustakaan terdahulu.

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan reka bentuk kualitatif menerusi kaedah kajian kepustakaan dan analisis kandungan yang sistematik bagi meneroka peranan dominan Islam dalam pembentukan sikap akomodatif orang Melayu. Prosedur pengumpulan data melibatkan saringan terhadap dokumen sekunder seperti naskah Piagam Madinah (Sahifah al-Madinah) dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dengan tumpuan khusus pada Perkara 3, 8, dan 11 bagi memperincikan jaminan hak serta kedudukan agama. Data sekunder juga disintesis daripada jurnal, tesis dan dokumen dasar kerajaan bagi mengukuhkan hujah sosiopolitik. Teknik analisis tematik digunakan untuk mengelompokkan prinsip keadilan dan dinamika hubungan etnik bagi menghasilkan kesimpulan yang holistik.

Konseptualisasi Sikap Akomodatif Orang Melayu

Dalam lensa sosiologi dan sains politik, akomodasi dilihat sebagai satu proses sosial yang sedar dan pragmatik untuk mengurangkan konflik serta memupuk kerjasama rentas etnik tanpa memadamkan identiti asal sesuatu kaum (Park & Burgess, 1921; Yinger, 1994). Di Malaysia, konsep ini menekankan bahawa keharmonian dicapai melalui proses *accommodation* dan *negotiation* berterusan di peringkat akar umbi

yang membentuk "kesepaduan sosial" (Shamsul Amri, 2012). Konsep akomodatif ini membolehkan setiap kelompok etnik mengekalkan identiti agama, budaya dan keturunan masing-masing tanpa perlu melakukan pengorbanan ekstrem seperti dalam model amalgamasi. Manakala dalam wacana akademik kontemporari, istilah 'sikap akomodatif' lazimnya digunakan secara longgar dan kadang-kadang disamaratakan dengan istilah toleransi, kompromi atau pluralisme sekular. Malah sering disalahertikan sebagai toleransi pasif. Konsep 'sikap akomodatif orang Melayu' dalam artikel ini lebih menjurus kepada kesediaan, keterbukaan dan toleransi pragmatik masyarakat Melayu-Muslim di Malaysia untuk menerima, menghormati dan berkongsi ruang hidup (politik, ekonomi, dan sosial) bersama etnik lain yang disandarkan kepada prinsip keadilan dan kedamaian dalam Islam tanpa menggadaikan kedudukan Islam dan identiti sosiobudaya Melayu.

Artikel ini juga akan mengkonstruksi 'sikap akomodatif orang Melayu' sebagai sebuah sistem sosioperadaban empat tingkat yang berfungsi secara hierarki dalam mengurus kemajmukan di Malaysia. Keunikan kerangka ini terletak pada sifat saling bergantung antara setiap dimensi yang mana satu tingkat menjadi prasyarat kritikal bagi pengoperasian tingkat yang seterusnya. Dimensi pertama melibatkan akar sosio-sejarah yang menjejaki pola keterbukaan orang Melayu sejak abad ke-14. Pengalaman sejarah membuktikan bahawa akulturasi Islam di Nusantara berlaku secara damai melalui saluran perdagangan dan seni, sekali gus membekalkan tapak peradaban yang inklusif sebelum fasa kemodenan (Abdullah et al., 2025). Tingkat kedua diterjemahkan melalui mekanisme perundangan, khususnya menerusi peruntukan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Akomodasi di sini bukan sekadar pilihan moral, tetapi merupakan satu ikatan sah hasil daripada proses rundingan kontrak sosial yang menyeimbangkan kedaulatan Islam dengan jaminan kebebasan penganut agama lain (Mohamad, 2017).

Dimensi ketiga diperkukuhkan oleh justifikasi teologis yang bersumberkan prinsip Wasatiyyah (kesederhanaan) dan Maqasid Syariah berlandaskan model Piagam Madinah. Prinsip Piagam Madinah membawa mesej bahawa Islam mewajibkan penganutnya untuk memelihara kesejahteraan sosial dan bertindak adil terhadap golongan minoriti sebagai sebahagian daripada tanggungjawab keagamaan yang syumul (Awang & Mohd Nor, 2022). Akhir sekali, dimensi keempat dizahirkan melalui amalan harian nilai-nilai Islam yang mendarah daging dalam jiwa dan sosiobudaya masyarakat. Etika ini membolehkan individu Melayu-Muslim mengekalkan identiti akidah mereka sambil menunjukkan kesantunan yang tinggi dalam interaksi rentas etnik (Husin, 2023). Tuntasnya, integrasi serentak keempat-empat mekanisme ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa Islam bertindak sebagai faktor dominan yang menentukan keberkesanan sikap akomodatif Melayu dalam menjamin kelestarian keharmonian dan perpaduan nasional.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dimensi Pertama: Akar Sosio-sejarah dan Tradisi Akomodasi Peradaban Melayu

Konstruksi sikap akomodatif masyarakat Melayu terhadap kemajmukan etnik dan agama bukanlah sebuah artifak sosiopolitik yang muncul secara mendadak pasca-kemerdekaan, sebaliknya ia merupakan hasil daripada evolusi sejarah peradaban yang sangat panjang. Analisis sejarah membuktikan bahawa identiti nasional Malaysia telah dibentuk melalui proses interaksi tamadun di Alam Melayu yang meletakkan Islam sebagai faktor dominan dalam mencorakkan orientasi sosial masyarakat (Rohana et al., 2017). Akar kepada sikap terbuka ini dapat dijejaki seawal kedatangan Islam ke Nusantara pada abad ke-14 yang membawa transformasi peradaban secara holistik dan sistemik. Berbeza dengan proses Islamisasi di beberapa wilayah dunia yang lain, penyebaran Islam di rantau ini dicirikan oleh pendekatan damai dan harmoni tanpa melibatkan paksaan ketenteraan atau kuasa hegemonik (Abdullah et al., 2025).

Menurut Abdullah et al. (2025), keterbukaan peradaban Melayu-Muslim diperkukuh melalui empat saluran integratif utama iaitu perdagangan, kesenian, sistem tadbir urus dan ritual keagamaan. Dalam aspek perdagangan, pelabuhan strategik seperti Melaka yang digelar sebagai "The Venice of the East" menjadi titik pertemuan pedagang dari pelbagai pelosok dunia termasuk Arab, Gujarat, dan China (Rohana et al., 2017). Interaksi ini berlaku berasaskan etika niaga Islam yang menekankan kejujuran dan amanah, sekaligus membina kepercayaan rentas budaya secara semula jadi. Saluran kesenian pula menyaksikan berlakunya akulturasi timbal balik di mana motif seni bina dan estetika lokal digabungjalinkan dengan kaligrafi Arab-Persia, menghasilkan identiti seni Islam Nusantara yang unik tanpa menghapuskan warisan asal (Abdullah et al., 2025).

Seterusnya, dimensi tadbir urus memperlihatkan bagaimana Kesultanan Melayu Melaka menggunakan jurisprudens Islam seperti Hukum Kanun Melaka untuk menguruskan komuniti pluralistik di pelabuhan (Shuaib, 2017). Sejarah merakamkan tahap diplomasi yang tinggi di mana pegawai-pegawai istana dan pentadbiran dilantik daripada pelbagai latar belakang etnik demi menjamin kelancaran urusan kerajaan (Rohana et al., 2017). Amalan ini membuktikan bahawa prinsip keadilan Islam telah lama diintegrasikan dalam struktur politik Melayu bagi mengakomodasi kepentingan kelompok yang rencam. Saluran ritual pula mempamerkan keupayaan Islam untuk menyerap unsur kebudayaan tempatan yang tidak bercanggah dengan akidah yang mengukuhkan lagi keharmonian dalam masyarakat.

Pola akomodasi sejarah ini menjadi prasyarat kritikal yang merekod kestabilan nasional sebelum campur tangan kuasa kolonial. Natijahnya, tradisi keterbukaan yang telah teruji selama berabad-abad ini diselaraskan mengikut tuntutan moden melalui kontrak sosial yang akhirnya dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan 1957. Justeru, keharmonian di Malaysia hari ini bukanlah satu rekaan baharu, sebaliknya merupakan kesinambungan daripada warisan peradaban Melayu-Muslim yang meletakkan Islam sebagai pelindung kepada kepelbagaian (Rohana et al., 2017; Abdullah et al., 2025). Tanpa akar sejarah ini mekanisme perlembagaan moden akan kehilangan legitimasi budayanya.

Dimensi kedua: Menterjemah Prinsip Keadilan Islam dalam Kerangka Perlembagaan Malaysia

Penerapan prinsip keadilan Islam dalam sistem perundangan Malaysia dizahirkan melalui keseimbangan yang dinamik antara pengiktirafan identiti agama negara dengan perlindungan hak asasi warganegara. Tunjang utama kepada keseimbangan ini terletak pada sinergi antara Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dengan Perkara 11 yang menjamin kebebasan beragama bagi seluruh lapisan masyarakat (Mohamad & Mohamad, 2025). Hal ini jelas menunjukkan bahawa kedudukan Islam dalam perlembagaan tidak seharusnya dilihat sebagai instrumen untuk meminggirkan golongan minoriti, sebaliknya ia berfungsi sebagai perisai substantif yang memelihara pluralisme. Dalam konteks perlindungan minoriti, Islam menyediakan mekanisme yang sangat efektif melalui pengiktirafan hak pemilikan harta, jaminan keselamatan fizikal serta kebebasan menguruskan hal ehwal peribadi mengikut institusi agama masing-masing (Meerangani, 2016). Sebarang ketegangan atau tuntutan yang timbul daripada golongan minoriti lazimnya dapat diselesaikan dalam ruang lingkup perundangan negara selagi ia tidak menggugat kedaulatan Islam yang telah disepakati bersama.

Sejarah membuktikan bahawa akar kepada sikap akomodasi perlembagaan ini merupakan kesinambungan daripada tradisi jurisprudens Islam yang telah lama berakar umbi di Nusantara. Rohana et al. (2017) menegaskan bahawa seawal abad ke-14, Kesultanan Melayu Melaka telah pun mempraktikkan sistem perundangan inklusif melalui Hukum Kanun Melaka. Islam menjadi asas dalam perundangan Hukum

Kanun Melaka untuk mengatur interaksi antara pelbagai etnik di pelabuhan secara harmoni. Pengalaman sejarah ini menyediakan tapak yang kukuh bagi pembentukan perlembagaan moden yang berupaya mengintegrasikan tuntutan syariah dengan realiti masyarakat majmuk. Hal ini dapat diperhatikan melalui sejarah tolak ansur kaum atau kontrak sosial menjelang kemerdekaan.

Kontrak sosial merupakan satu bentuk kompromi sosiopolitik yang sangat kritikal menjelang kemerdekaan tahun 1957, di mana kepimpinan Melayu-Muslim menunjukkan kesediaan luar biasa untuk berkongsi kedaulatan, sumber dan hak kewarganegaraan dengan komuniti imigran (Shuaib, 2017). Tindakan ini bukan sekadar keputusan politik bersifat pragmatik, malah merupakan manifestasi daripada nilai-nilai murni Islam yang menolak sebarang bentuk diskriminasi dan menjunjung tinggi prinsip keadilan sejagat. Kesaksamaan di bawah undang-undang ini diperkukuhkan lagi melalui Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang secara eksplisit melarang sebarang layanan berat sebelah atas dasar agama, keturunan, mahupun tempat lahir dalam segala urusan pentadbiran awam (Meerangani, 2016). Jelas bahawa sistem perundangan negara adalah instrumen utama yang menterjemahkan keadilan Islam ke dalam realiti kepelbagaian masyarakat di Malaysia.

Dimensi Ketiga: Kerangka Piagam Madinah dan Manifestasi Nilai Universal Islam dalam Pengurusan Kemajmukan

Pendekatan Islam dalam menguruskan masyarakat majmuk mempunyai sandaran sejarah yang kukuh melalui model Piagam Madinah (Sahifah al-Madinah) yang digubal oleh Nabi Muhammad SAW pada tahun 622 Masihi. Dokumen ini diiktiraf oleh sarjana sebagai perlembagaan bertulis pertama di dunia yang berjaya menyatukan komuniti pelbagai latar belakang etnik dan kepercayaan ke dalam satu sistem kenegaraan yang sistematik (Serjeant (1964). Dalam kerangka Perlembagaan Madinah, dinyatakan secara khusus bahawa semua warganegara termasuk Yahudi dan minoriti bukan Muslim lain (dhimmi), hidup dan menikmati perlindungan di bawah negara Islam (Denny, 1977; Rahnamaei, 2010; Hoffstaedter, 2011). Melalui piagam ini, Rasulullah SAW memperkenalkan konsep Ummah yang bersifat inklusif. Jelas bahawa perlembagaan ini adalah asas yang kukuh untuk membangunkan komuniti yang aman dan tidak mengancam untuk dunia moden kerana kumpulan etnik yang pelbagai boleh hidup sebagai satu ummah tetapi menikmati kebebasan untuk memeluk agama, bahasa atau budaya mereka sendiri. Dengan kata lain, Piagam Madinah membekalkan model perlindungan minoriti yang komprehensif dengan menjamin keselamatan nyawa, pemilikan harta, serta kebebasan mutlak untuk mengamalkan agama masing-masing tanpa sebarang bentuk diskriminasi.

Standard keadilan yang ditetapkan dalam model Madinah ini melampaui kepentingan teologi semata-mata di mana setiap warganegara mempunyai tanggungjawab yang setara dalam mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman luar (Rohana et al., 2017). Berdasarkan bukti ini, dapat difahami bahawa masyarakat Madinah dan Piagam Madinah menyokong mesej Islam adalah agama universal. Justeru, sikap akomodatif yang diamalkan oleh masyarakat Melayu-Muslim di Malaysia hari ini merupakan kesinambungan daripada tradisi peradaban Islam yang telah lama mengiktiraf kepelbagaian sebagai wasilah untuk saling hidup bersama.

Dalam konteks kontemporari, ilmuwan menekankan bahawa interaksi antara kelompok majoriti dan minoriti mestilah dipandu oleh prinsip Fiqh al-Ta'ayush yang berasaskan keadilan dan ihsan (Kamil, 2025). Mekanisme dominan Islam dalam memupuk keharmonian ini dizahirkan melalui penerapan nilai Wasatiyyah (kesederhanaan) dan Maqasid Syariah yang mengutamakan pemeliharaan kesejahteraan sosial secara menyeluruh (Meerangani et al., 2022). Prinsip Wasatiyyah al-Quran, yang merangkumi elemen

kesemestaan dan keseimbangan membekalkan garis panduan bagi umat Islam untuk menjadi rahmat kepada seluruh alam (Rahmatan lil 'Alamin) tanpa menggadaikan prinsip akidah (Salihah Ali et al., 2021). Pendekatan ini menolak ekstremisme iaitu tindakan melampau dalam beragama dan juga menolak pengabaian agama. Sebaliknya prinsip kesederhanaan dan keseimbangan yang dipraktikkan untuk membawa keamanan, keadilan dan kebaikan bukan sahaja kepada sesama Muslim, malah kepada non-Muslim. Prinsip Wasatiyyah dianggap jalan tengah yang terbaik dan paling adil dalam mengurus kemajmukan di Malaysia, sekali gus membawa makna bahawa masyarakat Melayu Muslim telah bertindak sebagai pelindung kepada kepelbagaian.

Nilai sejagat Islam turut menekankan persaudaraan kemanusiaan yang merentas sempadan geografi, etnik, warna kulit serta terikat melalui persatuan emosi. Ideologi Islam secara tegas melarang segala bentuk etnosentrisme, chauvinisme dan rasisme dengan menegaskan bahawa kemuliaan manusia hanya diukur berdasarkan tahap ketakwaan kepada Tuhan. Integrasi nilai-nilai sejagat ini bukan sahaja melindungi hak asasi golongan minoriti tetapi juga memperkukuhkan solidariti sosial dalam membina sebuah negara yang stabil dan harmoni.

Dimensi Keempat: Sosiobudaya dan Etika Harian Sebagai Akar Sikap Akomodatif Orang Melayu

Sikap akomodatif masyarakat Melayu terhadap kemajmukan di Malaysia tidak sekadar bergantung kepada mandat perundangan, sebaliknya berakar umbi secara substantif dalam dimensi sosiobudaya yang berpaksikan nilai-nilai Islam. Etika ini berfungsi sebagai 'kompas karakter' yang mendominasi setiap tindakan dan orientasi berfikir individu Melayu apabila berinteraksi dengan kelompok etnik yang berbeza (Husin, 2023). Secara konseptual, nilai-nilai Islam merupakan hasil sintesis antara nilai-nilai murni dalam sosiobudaya Melayu dengan ajaran Islam yang syumul. Dengan kata lain, nilai-nilai Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu hari ini tidak dilihat berdiri sendiri secara terasing, sebaliknya ia adalah hasil "acuan" dan serapan bersama antara syariat agama dan adat budaya. Masyarakat Melayu tradisional sememangnya sudah memiliki sistem nilai yang murni seperti sifat merendah diri (tawaduk), menghormati orang tua, gotong-royong, menjaga aib, berbudi bahasa dan bermusyawarah. Amalan 'rumah terbuka' dan tradisi tolak ansur dalam urusan harian misalnya, membuktikan bahawa penghayatan nilai-nilai Islam yang mendalam tidak mendorong kepada eksklusiviti, sebaliknya memperkasakan empati sosiobudaya yang menjadi tunjang kepada keharmonian sosial di Malaysia. Kombinasi antara norma sosial yang ideal dan pegangan agama yang kuat ini telah melahirkan disposisi masyarakat yang terbuka dan mudah bertolak ansur berbanding komuniti yang dibentuk dalam persekitaran yang penuh konflik.

Akar kepada etika ini juga dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan geografi Alam Melayu yang harmoni. Menurut Lim (2003), peribadi Melayu dibentuk melalui pemerhatian terhadap sifat alam seperti "rasmipadi" yang melambangkan kerendahan diri serta sifat air yang menggambarkan kelembutan dan kesabaran. Hal ini membolehkan orang Melayu mengekalkan jati diri mereka sambil menunjukkan kesantunan yang tinggi dalam kehidupan bermasyarakat.

Mekanisme sosiobudaya ini diperkukuhkan lagi oleh infrastruktur sosial Islam seperti rangkaian institusi masjid, surau, dan program kebajikan komuniti. Institusi-institusi ini bukan sahaja berfungsi sebagai pusat ibadat, malah bertindak sebagai pemangkin kepada pembinaan modal sosial yang inklusif di Malaysia (Sulasmi & Agussani, 2021). Ini membuktikan bahawa infrastruktur sosial Islam dan penghayatan Islam yang mendalam di Malaysia tidak terhad kepada komuniti Muslim sahaja, sebaliknya bertindak sebagai ejen kestabilan dan keharmonian sosial yang merentas sempadan kelompok. Tegasnya, dimensi

sosiobudaya yang teradun dalam nilai-nilai Islam ini merupakan lapisan paling asas pembentukan sikap akomodatif orang Melayu yang memastikan keharmonian di Malaysia berlaku secara organik dan mampan.

Kerangka Empat Dimensi Sebagai Hierarki

Konsep kerangka empat dimensi ini dianggap sebagai sebuah sistem yang bertingkat atau hierarki kerana setiap dimensi tidak berfungsi secara mendatar (horizontal) atau terasing, sebaliknya ia dibina secara bertindan di mana dimensi sebelumnya bertindak sebagai prasyarat substantif yang membolehkan dimensi berikutnya beroperasi dengan berkesan. Tanpa tapak yang disediakan oleh dimensi di bawahnya, dimensi yang lebih tinggi akan kehilangan legitimasi dan kekuatan praktikalnya dalam mengurus masyarakat majmuk. Bermula dengan dimensi sosio-sejarah peradaban Melayu yang merupakan prasyarat mutlak kepada pembentukan kerangka Perlembagaan Malaysia (tahap kedua). Hal ini telah dibuktikan melalui Kontrak Sosial 1957 yang jelas memperlihatkan bahawa detik bersejarah ini bukan sebuah "rekaan politik" yang wujud secara mendadak, sebaliknya ia merupakan hasil daripada evolusi sejarah keterbukaan orang Melayu sejak abad ke-14. Tanpa tradisi peradaban yang sudah sedia mengakomodasi kepelbagaian di pelabuhan seperti Melaka menerusi Hukum Kanun Melaka, para pemimpin Melayu-Muslim tidak akan mempunyai asas kepercayaan atau "tapak budaya" untuk bersetuju berkongsi kedaulatan menerusi Perlembagaan Persekutuan. Maka, sejarah adalah prasyarat yang membekalkan "nyawa" kepada naskah perundangan moden.

Dimensi kedua (Perlembagaan) menjadi prasyarat bagi pengoperasian dimensi teologi atau nilai universal Islam (tahap ketiga) dalam sebuah negara bangsa moden. Nilai universal Islam seperti Wasatiyyah (kesederhanaan) dan model Piagam Madinah memerlukan struktur undang-undang yang sah untuk diterjemahkan ke dalam polisi awam. Hal ini adalah kerana, walaupun prinsip Islam bersifat universal, aplikasinya dalam masyarakat majmuk Malaysia hanya dapat dilunaskan apabila terdapat peruntukan sah seperti Perkara 3(1) dan Perkara 11 yang memberikanimbangan antara kedaulatan agama dengan kebebasan beragama. Perlembagaan bertindak sebagai "wadah" yang memungkinkan prinsip-prinsip syarak diuruskan dalam kerangka keadilan sosiopolitik yang sistematik.

Seterusnya dimensi ke tiga iaitu Prinsip Islam yang universal pula menjadi prasyarat moral kepada pembentukan sosiobudaya orang Melayu dan etika harian mereka (tahap 4). Sikap akomodatif orang Melayu dalam kehidupan harian (seperti amalan 'rumah terbuka' atau kesantunan berbudi) bukanlah sekadar adat resam tradisi semata-mata, tetapi ia didorong oleh keyakinan nilai-nilai Islam yang mendalam. Tanpa pegangan teologi yang mewajibkan keadilan kepada golongan minoriti (seperti jaminan keselamatan bagi Dzimmi dalam Piagam Madinah), orientasi sosial orang Melayu mungkin hanya bersifat asimilasi yang memaksa bukannya akomodasi yang ehsan. Justuru itu, prinsip dan nilai Islam membekalkan "justifikasi wahyu" yang membenarkan amalan budaya Melayu yang inklusif.

Tahap keempat iaitu sosiobudaya dan etika harian adalah kemuncak hierarki di mana keharmonian negara benar-benar dizahirkan secara organik. Keberkesanan semua dimensi di bawahnya (sejarah, perlembagaan dan prinsip Islam) hanya dapat diukur melalui sejauh mana ia mendarah daging dalam interaksi peringkat akar umbi. Hierarki ini menunjukkan pergerakan daripada akar sejarah kepada struktur Perlembagaan, diterjemahkan melalui prinsip agama dan seterusnya dipraktikkan dalam tindakan sosiobudaya masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian. Jika satu tingkat di bawahnya runtuh, misalnya jika rakyat hilang kepercayaan kepada sejarah atau perlembagaan maka etika harian di puncak hierarki akan menjadi rapuh dan hanya bersifat retorik sosiopolitik semata-mata. Tuntasnya, keempat-empat dimensi ini dianggap hierarki kerana ia membentuk satu rangkaian ketergantungan substantif. Dimensi sejarah membekalkan akar,

perlembagaan memberikan legitimasi, Islam mengindoktrin prinsip, dan sosiobudaya memanifestasikan nilai tersebut menjadi tindakan praktikal harian.

Naratif Semasa dan Cabaran Menangani Kebimbangan Komuniti Bukan Islam

Dalam konteks sosiopolitik Malaysia yang ditandai oleh kepelbagaian etnik dan agama yang rencam, tahap toleransi dan literasi budaya yang tinggi amat diperlukan bagi mengelakkan perbezaan tersebut daripada menjadi punca kepada ketegangan sosial (Mohamad & Mohamad, 2025). Memandangkan Islam memegang status sebagai agama Persekutuan, banyak prinsip-prinsip Islam telah diintegrasikan ke dalam dasar kenegaraan bukan untuk tujuan asimilasi paksaan, sebaliknya bagi mempromosikan kerjasama sosial yang harmoni. Pendekatan ini bermatlamat untuk mewujudkan kestabilan nasional di bawah kepimpinan Melayu-Muslim yang mengutamakan keadilan perundangan kepada semua warganegara.

Mekanisme utama dalam merapatkan jurang persepsi antara komuniti Muslim dan bukan Muslim dizahirkan melalui usaha dialog antara agama (Inter-faith Dialogue) yang digerakkan oleh pelbagai institusi Islam. Institusi seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) memikul peranan signifikan sebagai agensi yang menyebarkan maklumat tepat mengenai Islam bagi mengurangkan persepsi negatif dan prejudis sosiabudaya dalam masyarakat (Nagata, 1997). Kelestarian perpaduan ini diperkukuhkan lagi melalui inisiatif sosial seperti amalan 'rumah terbuka' yang mempromosikan penyertaan rentas kaum dan meningkatkan tahap toleransi silang budaya di peringkat akar umbi (Salihah Ali et al., 2021). Dialog yang aktif dan aktiviti sosial ini dilihat sebagai prasyarat utama untuk membina kepercayaan dan keyakinan yang mana setiap pihak didorong untuk memahami perbezaan sebagai sebahagian daripada fitrah manusia untuk saling mengenali.

Bagi mendepani cabaran era pasca normal yang penuh dengan ketidakpastian, kerajaan telah memperkenalkan kerangka Malaysia Madani sebagai strategi inklusif untuk memperkukuh nilai ihsan, hormat dan kesejahteraan (Kamil, 2025). Malaysia Madani menawarkan pendekatan yang lebih holistik dengan menekankan nilai kemanusiaan universal yang selari dengan prinsip Islam bagi memperkasa perpaduan nasional. Namun begitu, cabaran terhadap keharmonian ini semakin kompleks dengan adanya polarisasi sosial dan penyebaran maklumat palsu melalui platform digital. Naratif mengenai perpaduan sering kali dimanipulasi di ruang digital untuk kepentingan kelompok tertentu yang boleh menjejaskan usaha penyatuan nasional.

Situasi ini memberi tekanan kontemporari dalam masyarakat majmuk sehingga wujud kebimbangan yang signifikan dalam kalangan komuniti bukan Islam mengenai implikasi daripada aliran Islamisasi oleh pihak kerajaan yang dikhuatiri mampu menjejaskan hak kewarganegaraan mereka (Rahman & Nurullah, 2012). Terdapat dalam kalangan segelintir kelompok minoriti yang beranggapan bahawa gerakan dominasi Islam boleh mengancam kebebasan beragama yang dijamin oleh undang-undang (Neo, 2006). Walau bagaimanapun, jaminan perlembagaan tetap menjadi perisai kukuh di mana golongan bukan Muslim mempunyai hak yang sah untuk memiliki harta, menubuhkan institusi pendidikan agama serta menguruskan hal ehwal peribadi mengikut institusi kepercayaan masing-masing (Esposito & Voll, 1996).

Bukti fizikal terhadap kedaulatan undang-undang dan amalan toleransi ini dapat dilihat menerusi pembinaan rumah-rumah ibadat pelbagai agama seperti masjid, kuil dan gereja yang dibina berdampingan secara harmoni, terutamanya di kawasan bandar. Analisis kritikal oleh Meerangani (2016) menegaskan bahawa ketegangan atau isu sensitif yang timbul lazimnya berpunca daripada kekeliruan terhadap pengamalan agama, bukannya disebabkan oleh doktrin Islam itu sendiri. Oleh itu, keberkesanan

pengurusan kemajmukan di Malaysia sangat bergantung kepada sistem rundingan dan kompromi yang didorong oleh sikap akomodatif orang Melayu sebagai penggerak utama keharmonian nasional.

Naratif semasa dan kebimbangan komuniti bukan Islam yang dibincangkan dalam artikel ini sebenarnya berfungsi sebagai "ujian praktikal" (stress test) terhadap keberkesanan sistem hierarki empat dimensi yang telah dibina sebelumnya. Hal ini boleh ditafsirkan melalui manifestasi apabila salah satu daripada empat dimensi tersebut mengalami "keretakan" akibat tekanan era pasca normal. Dimensi pertama yang melibatkan akar sejarah peradaban Melayu yang terbuka sering kali gagal dikaitkan dengan kestabilan hari ini. Kebimbangan non-Muslim terhadap "Islamisasi" berpunca daripada persepsi bahawa pengukuhan nilai Islam adalah satu fenomena baharu yang bersifat agresif dan hegemonik. Jika dimensi sejarah (Abad ke-14) difahami sebagai prasyarat, maka naratif semasa harus menekankan bahawa sikap akomodatif Melayu bukanlah "kontrak politik" yang rapuh, tetapi evolusi peradaban yang sudah teruji berabad-abad melalui akulturasi damai. Cabaran semasa adalah untuk menghidupkan kembali "identiti peradaban terbuka" ini bagi meredakan ketakutan terhadap dominasi.

Beralih kepada dimensi kedua pula yang melibatkan perundangan dan perlembagaan, kebimbangan komuniti bukan Islam sering berkisar tentang hak kewarganegaraan dan kebebasan beragama yang dikuatiri terjejas akibat gerakan dominasi Islam. Isu sensitif seperti penggunaan kalimah "Allah" (Neo, 2014) atau pertindihan bidang kuasa mahkamah sivil dan syariah (Shuiab, 2017) menunjukkan berlakunya defisit kepercayaan terhadap Perlembagaan. Naratif semasa perlu diperjelaskan melalui konsep "perisai substantif" yang mana kerangka perlembagaan bukan sekadar teks undang-undang, tetapi terjemahan keadilan Islam yang menjamin hak pemilikan harta dan perlindungan fizikal kepada non-Muslim (Ahlu Dzimmah). Kegagalan menterjemah keseimbangan Perkara 3(1) dan Perkara 11 secara harmoni dalam ruang awam akan terus mencetuskan kebimbangan minoriti.

Cabaran besar dalam naratif semasa ialah manipulasi isu agama di ruang digital oleh pihak berkepentingan untuk meraih sokongan politik. Kebimbangan orang bukan Islam sering diburukkan oleh "ignorance" (kejahilan) mengenai doktrin Islam yang sebenar dan provokasi pihak tertentu. Sejajar dengan ini, stigma Islamophobia global turut meresap ke dalam wacana tempatan. Di sinilah dimensi ketiga (Piagam Madinah & Wasatiyyah) bertindak sebagai penyelesaian teologis. Naratif semasa harus membuktikan bahawa model Piagam Madinah mengiktiraf penganut agama lain sebagai sebahagian daripada "Ummah" (entiti politik) yang dilindungi. Pengamalan prinsip Wasatiyyah (kesederhanaan) adalah benteng utama menangkis ekstremisme yang menakutkan komuniti bukan Islam.

Meskipun pelbagai inisiatif dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menjaga kestabilan dan keharmonian dalam kepelbagaian masyarakat Malaysia, realiti semasa menunjukkan integrasi kaum masih bersifat dangkal kerana rakyat masih terasing dalam kelompok etnik sendiri menerusi segregasi perumahan dan pendidikan (Raman & Sua, 2010). Naratif semasa mencabar puncak hierarki ini (interaksi harian dalam sosiobudaya Melayu). Apabila interaksi sosial merosot, etika "Budi-Islam" (seperti sifat padi yang tunduk dan santun) tidak dapat dimanifestasikan secara organik dalam hubungan rentas kaum (Husin, 2023), akan menyebabkan stereotaip budaya (seperti kaum tertentu dianggap dominan atau pemalas) terus kekal. Kebimbangan non-Muslim hanya dapat ditangani jika nilai Islam diterjemahkan menjadi etika harian yang inklusif. Amalan seperti "rumah terbuka" dan hidup berjiran secara ehsan adalah aplikasi praktikal yang mampu "mencairkan" spekulasi politik dan ketegangan agama di peringkat akar umbi.

Jelas bahawa bahagian naratif semasa dan cabaran kebimbangan komuniti bukan Islam ini menunjukkan bahawa keharmonian di Malaysia bersifat "tinggi tetapi tidak stabil" kerana ia sangat bergantung kepada kestabilan empat dimensi tersebut. Cabaran era digital dan pasca normal menuntut kerajaan untuk

memperkuh semula hierarki ini: bermula dengan pemahaman sejarah yang betul, penguatkuasaan perlembagaan yang adil, penerapan prinsip agama yang inklusif dan manifestasi sosiobudaya yang berpaksikan nilai-nilai Islam sejati. Tanpa integrasi keempat-empat dimensi ini, kebimbangan komuniti bukan Islam akan terus dimanipulasi sebagai retorik sosiopolitik yang boleh menggugat kelestarian nasional.

KESIMPULAN

Artikel ini merumuskan secara tuntas bahawa kedudukan Islam dalam ekosistem sosiopolitik Malaysia tidak sekadar berfungsi sebagai identiti simbolik bagi kelompok majoriti, sebaliknya bertindak sebagai kerangka perlindungan atau *shield* yang menjamin kelestarian hubungan antara kaum. Keupayaan Malaysia mengekalkan kestabilan nasional sepanjang lima dekad pasca-merdeka merupakan manifestasi nyata daripada aplikasi prinsip keadilan Islam yang bersifat inklusif serta merentas batas teologi. Melalui analisis terhadap Piagam Madinah (Sahifah al-Madinah), kajian ini membuktikan bahawa Islam telah membekalkan model perlembagaan pertama di dunia yang memberikan jaminan mutlak terhadap keselamatan nyawa, pemilikan harta dan kebebasan beragama bagi golongan minoriti. Oleh itu, dominasi nilai Islam dalam dasar pentadbiran Malaysia seharusnya dilihat sebagai instrumen kestabilan yang meletakkan nilai kemanusiaan sejagat melebihi kepentingan sempit sesuatu etnik.

Salah satu dapatan utama artikel ini adalah pengukuhan konseptual terhadap 'sikap akomodatif orang Melayu' yang dikenal pasti sebagai sebuah konstruk empat dimensi yang menyepadukan elemen sosio sejarah peradaban Melayu, perundangan, agama dan sosiobudaya. Dimensi ini secara tegas membezakan fenomena sosioperadaban Melayu daripada istilah toleransi pasif, kompromi atau pluralisme sekular yang sering digunakan secara bertindih dalam literatur terdahulu. Sikap akomodatif ini berakar umbi daripada nilai-nilai Islam yang telah mendarah daging sejak abad ke-14, di mana interaksi harian masyarakat dipandu oleh nilai kesantunan semulajadi dan bukannya sekadar kepatuhan kepada mandat perundangan (Husin, 2023). Sikap akomodasi Melayu-Muslim lebih terserlah apabila mengekalkan jati diri akidah mereka dan pada masa yang sama memberikan ruang yang adil dan ehsan kepada penganut kepercayaan lain untuk hidup bersama.

Perlembagaan dan nilai Wasatiyyah kelestarian keharmonian di Malaysia sangat bergantung kepada sinergi antara jaminan perlembagaan dengan penghayatan nilai-nilai murni Islam. Secara perundangan, keseimbangan antara Perkara 3 dan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan membekalkan legitimasi kepada Islam sebagai agama Persekutuan tanpa menafikan hak penganut lain untuk mengamalkan agama mereka dalam suasana aman dan damai. Secara teologis pula, penerapan prinsip Wasatiyyah (kesederhanaan) dan Maqasid Syariah berfungsi sebagai landasan normatif yang mewajibkan keadilan sosial serta penolakan terhadap sebarang bentuk ekstremisme dan diskriminasi (Meerangani et al., 2022). Dalam era pasca normal yang penuh dengan polarisasi maklumat, pendekatan kontemporari melalui kerangka Malaysia Madani telah memperkuh struktur ini dengan menekankan nilai ihsan, hormat dan kesejahteraan sebagai strategi untuk membina sebuah bangsa yang meraikan perbezaan pandangan tanpa perlu bermusuhan. Sebagai rumusan, keempat-empat mekanisme yang telah diperbahaskan ini saling melengkapi: sejarah membekalkan akar, perlembagaan memberikan legitimasi, Islam mengindoktrin prinsip dan sosiobudaya memanifestasikan nilai tersebut menjadi tindakan praktikal harian. Jelas bahawa keharmonian di Malaysia bukanlah sebuah kebetulan sejarah, sebaliknya ia merupakan natijah daripada pengaruh dominan Islam yang membentuk orientasi sosial orang Melayu menjadi sebuah komuniti yang terbuka, adil dan akomodatif.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Editorial AHJMM, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan sepenuhnya oleh penulis makalah. Penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang dibentangkan dalam kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada penulis yang berkaitan.

RUJUKAN

- Abdullah, A., Asdam, M., & Alimbagu, A. (2025). The reciprocal acculturation of Islamic culture and local culture in the Nusantara: A historical review. *JAWI*, 8(1), 77–90. <https://doi.org/10.24042/00202582704000>
- Ali, S., Hamzah, M. I., Lubis, M. A., Yusnaldi, E., Lubis, I., & Taib, S. H. (2021). Prinsip toleransi Islam dalam menangani konflik kepelbagaian kaum di Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(2), 142–168.
- Awang, M. A., & Mohd Nor, M. R. (2022). Aplikasi prinsip Piagam Madinah dalam pengurusan hak minoriti keagamaan di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 30(1), 45–68. <https://doi.org/10.22452/js.vol30no1.3>

- Barth, F. (Ed.). (1969). *Ethnic groups and boundaries: The social organization of culture difference*. Universitetsforlaget.
- Denny, F. M. (1977). Ummah in the Constitution of Medina. *Journal of Near Eastern Studies*, 36(1), 39–47. <https://doi.org/10.1086/372530>
- Esposito, J. L., & Voll, J. O. (1996). *Islam and democracy*. Oxford University Press.
- Ghani, R. A., & Awang, J. (2017). A review on writings on religious tolerance in Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 12(1), 65–76. <https://doi.org/10.24035/ijit.12.2017.007>
- Hoffstaedter, G. (2011). *Modern Muslim identities: Negotiating religion and ethnicity in Malaysia*. NIAS Press.
- Husin, W. N. W. (2023). The value of budi-Islam as the foundation in enhancing ethnic tolerance in Malaysia: A case study among Malay students at the public higher learning institution. *Journal of Educational and Social Research*, 13(1), 225–236.
- Ibrahim, A. (2023). *Membangun Malaysia Madani*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Kamil, I. M. M. (2025). Malaysia Madani dan toleransi agama dalam era pasca normal: Analisis konseptual dan strategi pentadbiran. *Sains Insani*, 10(2), 55–67. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol10no2.814>
- Khambali, K. M., & Haled, M. H. (2008). Toleransi beragama dan amalannya di Malaysia merujuk kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27, 81–92.
- Khalek, A. A., & Mokhtar, R. A. M. (2022). Religious tolerance through the lens of halal dining experience in Malaysia. *Kajian Malaysia*, 40(2), 91–112. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.2.5>
- Lim, K. H. (2003). *Budi as the Malay mind: A philosophical and psycho-linguistic study*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krishnan, K. (2007). *Segregasi etnik dalam pendidikan*. ICH.
- Martínez, P. (2001). The Islamic State or the State Islam in Malaysia. *Contemporary Southeast Asia*, 23(3), 474–503.
- Meerangani, K. A. B. (2016). Isu semasa terhadap hubungan sosial dengan non Muslim di Malaysia daripada perspektif hukum Islam [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya].
- Meerangani, K. A., Hamid, M. F. A., Ramli, M. A., Anas, N., Lokman, M. A. A., & Rashid, S. M. T. A. (2022). Application of wasatiyyah in the social interaction of plural society in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(1), 1553–1562.
- Mohamad, A. N. A., & Mohamad, W. N. A. (2025). Kepelbagaian agama dan budaya di Malaysia: Antara cabaran dan kekuatan sosial dalam pembinaan bangsa. *Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 12(2), 35–49.
- Nagata, J. (1997). Religious ideology and ethnic diversity: Reformism among the Malaysian Chinese. *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 12(1), 1–19.
- Neo, J. L. (2006). Malay-Muslim identity and the constitutional threat of apostasy and the word 'Allah'. *Singapore Journal of Legal Studies*, 424–453.
- Neo, J. L. What's in a name? Malaysia's "Allah" controversy and the judicial intertwining of Islam with ethnic identity. *International Journal of Constitutional Law*. <https://doi.org/10.1093/icon/mou050>
- Rahman, M. R. A., & Nurullah, A. S. (2012). Religious freedom and non-Muslims in Malaysia. *Journal of Islam and Civilisational Renewal (JICR)*, 3(4).
- Raman, S. R., & Sua, T. Y. (2010). Ethnic segregation in Malaysia's education system: enrolment choices, preferential policies and desegregation. *Paedagogica Historica*, 46, 117–131. <https://doi.org/10.1080/00309230903528496>
- Rahnamaei, S. M. (2010). The Constitution of Medina: A path to peace and security. *Message of Thaqalayn*, 11(2), 121–138.
- Rohana, N. A. M., Rameli, M. F. P., Nordin, R., & Hashim, S. N. I. (2017). Kepelbagaian dan kesepaduan etnik di Malaysia menurut Islam. *Sains Insani*, 2(2), 88–97.

- Shamsul Amri, B. (2004). *Epistemic community and social capital: The polycentricity of educational politics in Malaysia*. Tokyo: ICH.
- Shamsul Amri, B. (2012). *Modul hubungan etnik (Ed. ke-2)*. Institut Kajian Etnik (KITA), UKM.
- Shuaib, F. S. (2017). Islam, nation-state and the legal system of Malaysia. *SDÜHFD*, 7(1), 77–91.
- Serjeant, R. B. (1964). The Constitution of Medina. *The Islamic Quarterly*, 8(1), 3–16.
- Sulasmı, S., & Agussani, A. (2021). Peranan institusi keagamaan dalam penguatan modal sosial dan kesejahteraan komuniti. *Jurnal Sosiologi Kontemporari*, 6(1), 34–48.
- Yinger, J. M. (1994). *Ethnicity: Source of strength? Source of conflict?* State University of New York Press.